LAPORAN TAHUNAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH

2025



Diterbitkan oleh

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah,
Aras 4, Blok A, Bangunan KPKPS,
Jalan UMS - Sulaman,
88450 Kota Kinabalu,
Sabah.

Laporan Tahunan
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah 2025

ISSN 2229-9025

Diterbitkan oleh

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah,
Aras 4, Blok A, Bangunan KPKPS,
Jalan UMS - Sulaman,
88450 Kota Kinabalu,
Sabah.

Edisi 2025

Penyunting
Bahagian Komunikasi Strategik & Pengawasan
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah

Pembantu Penyunting
Holly Sapikit
Fatin Nurain Binti Nurbin
Michelle Reynia Marcellus

Hak Cipta Jabatan Alam Sekitar
Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekali pun tanpa izin daripada penerbit.

Dicetak oleh
Rainbow Print (88178T)
No.20-1, Lot 124, 1st Floor, Block E,
Lorong Plaza Kingfiszher 5, Plaza Kingfisher, Ph. 3B
88450 Kuala Inanam Kota Kinabalu Sabah

ISI KANDUNGAN

1

PENGENALAN

Pengenalan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah 01
Perutusan Pengarah 02

2

BAHAGIAN PENTADBIRAN

Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah 04
Penjawatan 05

3

BAHAGIAN OPERASI

Bahagian Operasi 10
Pelesenan Kilang Kelapa Sawit dan Kilang Getah 17
Pelesenan Buangan Terjadual 19
Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka 22
Pengurusan Pencemaran Alam Sekitar 29
Kawalan Pelepasan daripada Kenderaan Bermotor 32
Pendakwaan dan Tindakan Mahkamah 42

4

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Program Kesedaran Alam Sekitar 48
Penguatkuasaan EIA 57
Pematuhan Notifikasi & Kebenaran Bertulis 60
EIA dan Input Pembangunan 66
Pengawasan Alam Sekitar 73

JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

Pengenalan

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah



Mengenai Kami

Jabatan Alam Sekitar (JAS) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) yang bertanggungjawab terhadap pemantauan, kawal selia, dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan alam sekitar di Malaysia. Di peringkat negeri, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan negeri dijalankan secara mampan dan tidak menjejaskan kelestarian alam sekitar di Negeri Sabah.

Visi

Pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat.

Misi

Memastikan pembangunan lestari di dalam proses memajukan negara.



Dari Meja Pengarah

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Tahun ini sekali lagi membawa cabaran dan peluang baharu dalam usaha kita memelihara dan memulihara alam sekitar. Dengan sukacitanya dipersembahkan **Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah Tahun 2025** yang mendokumentasikan inisiatif, pencapaian, dan halangan yang telah dihadapi dalam memperkukuh komitmen terhadap kelestarian alam sekitar di Negeri Sabah.

Pada tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah telah berjaya melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan di lapangan dan rondaan pemantauan pencemaran alam sekitar telah giat dilaksanakan dan ianya telah menampakkan hasil yang positif di mana aktiviti pencemaran dapat dikurangkan, juga dengan pelaksanaan program kesedaran alam sekitar yang cemerlang. Laporan ini bukan sekadar catatan pencapaian, tetapi juga cerminan azam kita untuk terus berjuang demi alam sekitar yang lebih lestari untuk generasi akan datang. Semoga laporan ini menjadi inspirasi dan panduan kepada semua yang terlibat dalam usaha pemuliharaan ini.


Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada Agensi-Agensi Kerajaan di Peringkat Negeri dan Persekutuan, Pihak Swasta, Rakan Strategik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Sukarela yang begitu komited memberi kerjasama dan sokongan`kepada Jabatan ini. Kepada warga kerja JAS Sabah, tahniah dan syabas diucapkan atas semangat dan dedikasi dalam menjayakan pelbagai program. Sesungguhnya keupayaan Jabatan dalam mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti adalah bergantung kepada kakitangan yang berdedikasi yang sentiasa bersedia untuk mentransformasi diri dalam melaksanakan tugas. Akhir sekali saya mendoakan agar segala usaha kita diberkati Allah SWT dan mendapat rahmat dariNya.

Sekian, terima kasih.

Nor Rashidah Binti Mohd Ghazali
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

STRUKTUR ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH



PERJAWATAN JAS NEGERI SABAH

TAHUN 2025

SENARAI PEGAWAI MASUK DAN KELUAR



Nor Rashidah Binti Mohd Ghazali
Pengarah C14
JAS Kota Kinabalu
Tarikh Masuk : 14/07/2025



Nurul Effa Edayu Binti Talawi
Pegawai Kawalan Alam Sekitar C9
JAS Kota Kinabalu
Tarikh Masuk : 02/05/2025



Muhammad Nadzmi Bin Zamri
Pegawai Kawalan Alam Sekitar C9
JAS Kota Kinabalu
Tarikh Masuk : 02/05/2025



Khairul Amirullah Bin Sapri
Pegawai Kawalan Alam Sekitar C9
JAS Kota Kinabalu
Tarikh Masuk : 02/05/2025
Letak Jawatan : 31/12/2025



Norinah Binti Matinding
Penolong Pegawai Tadbir Kanan N6
JAS Kota Kinabalu
Tarikh Masuk : 10/03/2025



Zabrien Bin Haider
PPTM FT6
JAS Kota Kinabalu
Tarikh Masuk : 11/08/2025



Betcilla G. Jominun
Penolong Jurutera JA5
JAS Kota Kinabalu
Tarikh Masuk : 18/08/2025



Marina B.S Lojingau
Penolong Jurutera JA5
JAS Kota Kinabalu
Tarikh Masuk : 18/08/2025



Farahtul Azwa Bt Zainal
Penolong Pegawai Kawalan C5
JAS Kota Kinabalu
Tarikh Masuk : 01/10/2025



Noulin Binti Miun
Pembantu Tadbir (P/O) N2
JAS Kota Kinabalu
Tarikh Masuk : 22/09/2025

PERJAWATAN JAS NEGERI SABAH.

TAHUN 2025

SENARAI PEGAWAI MASUK DAN KELUAR




Gerry Oswald Gedion
Penolong Jurutera JA5
JAS Cawangan Sipitang
Tarikh Masuk : 18/08/2025



Wilfred Frid Drick
Penolong Pegawai Kawalan C5
JAS Cawangan Sipitang
Tarikh Masuk : 01/10/2025



Anis Maheera Binti Farid Anwar
Penolong Pegawai Kawalan C5
JAS Cawangan Sandakan
Tarikh Masuk : 01/10/2025



Dayang Sanizah Binti Awang
Penolong Jurutera JA5
JAS Cawangan Sandakan
Tarikh Masuk : 01/10/2025

Ezahtul Syahreen Abdul Rahman
Pegawai Kawalan Kanan C10
Bertukar ke JAS Ibupejabat Puterajaya
Tarikh Keluar : 04/08/2025

Hazelina Mohd Ali
Penolong Pegawai Kawalan Kanan C6
Bertukar ke JAS Perak
Tarikh Keluar : 02/09/2025

Arnizam Bin Abdullah
Penolong Jurutera JA5
Bertukar ke ICU-JPM
Tarikh Keluar : 18/08/2025

Ahmad Sallehuddin
Penolong Jurutera JA5
Bertukar ke KPKT Bomba, Sandakan
Tarikh Keluar : 01/10/2025

Norleha Binti Wahadi
Pembantu Tadbir N2
Bertukar ke KDN - BP Menggatal
Tarikh Keluar : 22/09/2025

Hamidah Binti Shafie
Penolong Pegawai Tadbir N6
Berpindah ke KPM-PPD Kudat
Tarikh Keluar : 10/03/2025

Mohd Fadzil Bin Mohd Kasim
PPTM FT6
Bertukar ke Jab. Akauntan Negara
Kota Kinabalu
Tarikh Keluar : 11/08/2025

Nordiana Binti Odin
Penolong Jurutera JA5
Bertukar ke ICU-JPN
Tarikh Keluar : 18/08/2025

Adylina Yaakub
Penolong Pegawai Kawalan C5
Bertukar ke JAS Labuan
Tarikh Keluar : 01/10/2025

PERJAWATAN JAS NEGERI SABAH.

TAHUN 2025

PENGISIAN JAWATAN



	Pengisian	Kekosongan
P&P	16	2
Sokongan	84	2

Kekosongan Jawatan

PKAS GRED C10 - JAS SANDAKAN
PKAS GRED C9 - KOTA KINABALU
PKAS GRED C6 - JAS SANDAKAN
PEMANDU GRED H1 - KOTA KINABALU

BIL	SENARAI JAWATAN	GRED	2025 BILANGAN JAWATAN DILULUSKAN	2025 BILANGAN DISI	2025 KEKOSONGAN	2026 BILANGAN JAWATAN DILULUSKAN	2026 BILANGAN DISI	2026 KEKOSONGAN
1	PENGARAH	C14	1	1	0	1	1	0
2	TIMBALAN PENGARAH	C13	1	1	0	1	1	0
3	KETUA PENOLONG PENGARAH	C12	1	1	0	1	1	0
4	PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKIITAR	C10	7	6	1	7	7	0
5	PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR	C9	7	6	1	7	6	1
6	PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR	C7	3	3	0	3	3	0
7	PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR	C6	13	12	1	13	12	1
8	PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR	C5/C6	8	8	0	8	8	0
9	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N6	1	1	0	1	1	0
10	PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT	FA5/FA6	1	1	0	1	1	0
11	PENOLONG JURUTERA/JURUTEKNIK	JA5	22	22	0	22	22	0
12	SETIAUSAHA PEJABAT	N1/N2	1	1	0	1	1	0
13	PENOLONG AKAUNTAN	W5(KUP)	2	2	0	2	2	0
14	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N1/N2/N3	4	4	0	4	4	0
15	PEMBANTU KHIDMAT AM (PO)	H1	4	4	0	4	4	0
16	PEMBANTU KHIDMAT AM (PEMANDU)	H1	7	6	1	7	6	1
	JUMLAH KESELURUHAN		83	79	4	83	80	3

BAHAGIAN OPERASI

Bahagian Operasi



YARAS BIN HJ YUSUF

Timbalan Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Negeri Sabah

> Dari meja ke lapangan, dari perancangan kepada tindakan, Bahagian Operasi memastikan setiap tugasan dilaksanakan dengan pantas, tepat dan penuh dedikasi demi kepentingan alam sekitar dan masyarakat.

BAHAGIAN OPERASI

1.Pengenalan

Bahagian Operasi, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sabah bertanggungjawab melaksanakan fungsi penguatkuasaan, pemantauan pematuhan dan pelesenan selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] serta peraturan-peraturan di bawahnya. Bagi tahun 2025, Bahagian Operasi terus memperkukuh kawal selia terhadap premis dan punca yang tertakluk, dengan penekanan kepada pencegahan pencemaran, peningkatan pematuhan, dan tindakan tegas terhadap pelanggaran kehendak undang-undang.

Sepanjang tempoh pelaporan, tindakan yang dilaksanakan meliputi pemeriksaan premis, pengeluaran notis arahan, tawaran kompaun, Penahanan Operasi Kelengkapan (POK), tindakan gantung lesen, operasi khas bersepadu serta pengurusan pelesenan bagi premis yang ditetapkan. Keseluruhannya, pendekatan yang diambil adalah berteraskan prinsip penguatkuasaan yang tegas, berasaskan risiko dan memberi penekanan kepada pembetulan ketidakpatuhan secara teratur dan berkesan.



2.Aktiviti Pelesenan

Dalam aspek pelesenan, JAS Sabah telah mengeluarkan lesen kepada Premis Yang Ditetapkan (PYDT) melibatkan tiga kategori utama seperti berikut:




Aktiviti pelesenan ini penting bagi memastikan premis yang tertakluk beroperasi mengikut syarat, kawalan dan standard yang ditetapkan oleh jabatan. Bilangan lesen yang tinggi bagi kilang kelapa sawit menunjukkan sektor ini kekal sebagai antara sektor utama yang memerlukan pemantauan berterusan, manakala pelesenan premis pengurusan buangan terjadual termasuk pengangkut pula adalah kritikal bagi memastikan keseluruhan rantaian pengurusan sisa berbahaya dikawal secara teratur dan sah.

3.Status Pematuhan

Berdasarkan rekod tahun 2025, sebanyak 4,157 punca telah direkodkan sebagai tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pecahan mengikut kategori adalah seperti berikut:





Carta 1.1 : Bilangan Punca Pencemaran alam sekitar.

Pada tahun 2025, sebanyak 1,544 pemeriksaan, merangkumi pemeriksaan lapangan dan desktop, telah dilaksanakan oleh sembilan (9) pasukan penguatkuasaan. Hasil pemeriksaan tersebut telah digunakan bagi menilai tahap pematuhan premis terhadap kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974), seperti yang diringkaskan berikut.

Jadual 1.1 : Jadual pematuhan penguatkuasaan sepanjang tahun 2025.

Bil	Perkara	Patuh	Tidak Patuh
1	Jumlah keseluruhan penguatkuasaan punca tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	1,147	389
2	Penguatkuasaan punca tertakluk dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	53	22
3	Penguatkuasaan punca tertakluk dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005	961	253
4	Penguatkuasaan punca tertakluk dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014	414	114
5	Penguatkuasaan punca tertakluk dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009	95	116
6	Punca tertakluk dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Tapak Pepejal dan Kambus Tanah) 2009	12	5

Secara umum, data ini menunjukkan bahawa kategori punca terbesar yang tertakluk ialah punca menghasilkan buangan terjadual, diikuti oleh punca menghasilkan pencemaran udara dan loji pengolahan kumbahan. Corak ini menunjukkan bahawa fokus utama pengawasan Bahagian Operasi di Sabah masih tertumpu kepada pengurusan buangan terjadual, kawalan pelepasan udara dan keberkesanan sistem rawatan kumbahan.

Dari sudut pematuhan keseluruhan, sebanyak 389 punca (25%) direkodkan sebagai tidak patuh, manakala 1,147 (75%) punca direkodkan sebagai patuh berdasarkan data pemantauan dan penilaian yang dilaporkan. Bilangan punca tidak patuh ini adalah signifikan dan memberi isyarat bahawa isu pematuhan masih memerlukan perhatian serius, khususnya dalam sektor-sektor yang mempunyai risiko pencemaran yang tinggi. Walau bagaimanapun, peratus pematuhan keseluruhan menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya, sekali gus mencerminkan keberkesanan usaha pemantauan, penguatkuasaan dan pematuhan kendiri yang telah dilaksanakan

Jika dianalisis mengikut kategori punca, punca yang menghasilkan buangan terjadual mencatatkan bilangan ketidakpatuhan tertinggi, iaitu sebanyak 253 punca. Dapatan ini menunjukkan bahawa aspek pengurusan buangan terjadual masih merupakan antara komponen pematuhan yang kritikal, dengan indikasi kelemahan berkemungkinan melibatkan kawalan di peringkat operasi, pengasingan dan penstoran buangan, pelabelan, pengemaskinian inventori, tempoh penyimpanan, pengendalian dalaman serta penghantaran kepada kemudahan penerima yang dilesenkan. Corak ketidakpatuhan ini juga menggambarkan keperluan kepada pemantauan yang lebih berfokus terhadap premis berisiko tinggi bagi memastikan pengurusan buangan terjadual dilaksanakan secara sistematik, berterusan dan selaras dengan kehendak perundangan yang berkuat kuasa.

Analisis terhadap punca tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 menunjukkan bahawa bilangan punca tidak patuh, iaitu 116 punca, adalah lebih tinggi berbanding 95 punca yang patuh. Dapatan ini menggambarkan bahawa pematuhan terhadap keperluan kawalan kumbahan masih merupakan cabaran utama bagi premis berkaitan, khususnya dari aspek keberkesanan operasi sistem rawatan kumbahan, penyenggaraan yang konsisten, pematuhan kepada had pelepasan yang ditetapkan serta pelaksanaan pemantauan kendiri.

Walau bagaimanapun, dari sudut penguatkuasaan, dapatan ini juga menunjukkan bahawa pelaksanaan pemeriksaan telah berjaya mengenal pasti punca-punca yang berisiko dan tidak mematuhi kehendak perundangan. Keadaan ini mencerminkan keberkesanan pendekatan pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih berfokus, khususnya terhadap premis yang mempunyai potensi pencemaran lebih tinggi. Sehubungan itu, penemuan ketidakpatuhan ini perlu dilihat sebagai asas penting bagi tindakan susulan, pembetulan di peringkat premis dan peningkatan tahap pematuhan secara berterusan.

Justeru, bilangan punca tidak patuh yang direkodkan bagi tahun 2025 memberi gambaran bahawa pendekatan penguatkuasaan perlu terus diperkukuh melalui pemeriksaan berasaskan risiko, tindakan lebih tegas terhadap pesalah berulang, pemantauan susulan yang lebih rapat, dan penggunaan instrumen undang-undang secara progresif mengikut tahap keseriusan ketidakpatuhan.

4. Prestasi Penguatkuasaan

Sepanjang tahun 2025, Bahagian Operasi telah melaksanakan pelbagai tindakan penguatkuasaan terhadap premis yang gagal mematuhi kehendak perundangan alam sekitar. Tindakan-tindakan ini diambil selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan bertujuan memastikan ketidakpatuhan ditangani secara segera, berkesan dan mengikut tahap keseriusan kes.

Sejumlah 144 tawaran kompaun bernilai RM258,500.00 telah dikeluarkan sepanjang tahun 2025 bagi pelbagai jenis kesalahan. Pengeluaran kompaun ini membuktikan bahawa Bahagian Operasi terus menggunakan instrumen penguatkuasaan secara aktif dalam menangani pelanggaran undang-undang, khususnya bagi kesalahan yang memerlukan tindakan pantas dan memberi kesan langsung dari segi pencegahan.

Selain itu, sebanyak 5 premis telah dikenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) atas kesalahan yang menyebabkan kemudaratan kepada alam sekitar melalui pencemaran. Tindakan ini merupakan antara bentuk penguatkuasaan yang tegas kerana ia melibatkan penghentian penggunaan kelengkapan atau operasi tertentu yang dikenal pasti menyumbang kepada pencemaran. Pelaksanaan POK menunjukkan bahawa Bahagian Operasi tidak berkompromi dalam keadaan yang melibatkan risiko nyata kepada alam sekitar.

Dalam tempoh yang sama, 1 premis kilang kelapa sawit telah dikenakan tindakan gantung lesen atas kesalahan serius berkaitan ketidakpatuhan terhadap syarat lesen. Tindakan ini menzahirkan pendirian jabatan bahawa lesen yang dikeluarkan bukan sekadar suatu kebenaran untuk beroperasi, tetapi satu tanggungjawab berterusan yang tertakluk kepada pematuhan penuh terhadap syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Di samping itu, tindakan terhadap premis tidak patuh turut dilaksanakan melalui pengeluaran Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, selain tawaran kompaun, POK dan gantung lesen mengikut fakta kes. Penggunaan notis arahan ini adalah penting kerana ia membolehkan jabatan mengarahkan langkah pembetulan, kawalan dan pemulihan diambil oleh pihak yang bertanggungjawab dalam tempoh yang ditetapkan.

5. Operasi Khas


Bahagian Operasi turut melaksanakan beberapa operasi khas sepanjang tahun 2025 bagi menangani isu pencemaran dan ketidakpatuhan yang dikenal pasti berisiko tinggi. Antaranya ialah Ops Hazard 1.0 dan Ops Hazard 2.0 yang dijalankan bersama Pasukan Gerak Am PDRM Sabah.

Operasi ini memberi fokus kepada pengurusan buangan terjadual SW110 (e-waste). Pelaksanaan operasi bersepadu ini menunjukkan komitmen JAS Sabah dalam membanteras aktiviti pengurusan buangan terjadual yang tidak mematuhi kehendak undang-undang, di samping memperkukuh kerjasama strategik antara agensi penguat kuasa. Pendekatan ini juga selari dengan keperluan semasa memandangkan pengurusan e-waste semakin menjadi isu penting dari sudut pematuhan dan risiko pencemaran.


6. Rumusan Prestasi

Secara keseluruhannya, prestasi Bahagian Operasi bagi tahun 2025 menunjukkan pelaksanaan fungsi penguatkuasaan dan kawal selia yang aktif, berterusan dan berfokus. Statistik punca tertakluk, bilangan punca tidak patuh, jumlah kompaun yang dikeluarkan, tindakan POK, gantung lesen, pelaksanaan operasi khas dan pengeluaran lesen kepada PYDT membuktikan bahawa Bahagian Operasi terus memainkan peranan penting dalam memastikan tahap pematuhan alam sekitar di Sabah berada dalam kawalan.

Dalam masa yang sama, data ketidakpatuhan yang direkodkan menunjukkan bahawa cabaran pematuhan masih ketara, khususnya dalam kategori pencemaran udara, loji pengolahan kumbahan dan pengurusan buangan terjadual. Oleh itu, pendekatan penguatkuasaan berasaskan risiko dan tindakan susulan yang lebih strategik perlu terus diperkasakan bagi meningkatkan tahap pematuhan pada tahun-tahun mendatang



Carta Palang 1.2 : Bilangan pematuhan premis berdasarkan AKAS 1974.



Carta Palang 1.3 : Bilangan punca premis yang didaftarkan dalam e-KAS.




PELESENAN

JAS
SABAH

PELESENAN

PREMIS KILANG KELAPA SAWIT (KKS)

Kilang Kelapa Sawit (KKS) merupakan premis yang dikategorikan sebagai Premis Yang Ditetapkan dan berlesen di bawah Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk menduduki dan beroperasi. Bilangan KKS di negeri Sabah adalah paling tinggi di negara ini. Jumlah ini telah meningkat daripada 80 buah kilang pada tahun 2000 kepada 131 buah kilang pada tahun 2025. Bilangan KKS mengikut daerah yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.



Carta Palang 2.1: Bilangan KKS mengikut daerah di negeri Sabah pada tahun 2025


Kerajaan Negeri Sabah telah menetapkan pada tahun 2006 bahawa had pelepasan efluen KKS yang beroperasi di Negeri Sabah diperketatkan berbanding had di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 bagi mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar di negeri ini iaitu kepekatan bagi parameter Oksigen Biokimia (BOD) 3 hari tidak melebihi 20 mg/l dan tiada pelepasan terus efluen ke alurair. Susulan itu KKS di negeri Sabah telah menaiktaraf sistem pengolahan efluen untuk merawat efluen bagi mematuhi had yang ditetapkan di dalam lesen. KKS yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah yang melepaskan efluen secara ke alur air, atas tanah, kombinasi alur air dan atas tanah dan tanpa pelepasan (kompos). Maklumat kaedah pelupusan efluen dan bilangan kilang kelapa sawit yang menggunakan kaedah terbabit seperti di Rajah 2 di bawah.

Jadual 2.1 : Kaedah pelupusan efluen kilang kelapa sawit di Negeri Sabah

KAEDAH PELEPASAN EFLUEN		2025/ 2026
Alur Air	Alur Air	124
Atas Tanah	Atas Tanah	3
	Alur Air & Atas Tanah	1
Tanpa Pelepasan	Kompos	3
	JUMLAH	**131**

PELESENAN
PREMIS KILANG GETAH MENTAH ASLI (KGAM)

Sebanyak 3 Kilang Getah Mentah Asli (KGAM) telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah. Taburan KGAM mengikut daerah adalah seperti di Rajah 3 manakala kaedah pelupusan efluen bagi KGAM di negeri Sabah ialah seperti di Rajah 4.



Rajah 2.1 : Taburan KGAM mengikut daerah di negeri Sabah pada tahun dari tahun 2007 sehingga 2025.

Jadual 2.2 : Kaedah pelupusan efluen kilang getah di negeri Sabah

KAEDAH PELEPASAN EFLUEN	2025/ 2026
Alur Air	3
JUMLAH	3

PELESENAN

PREMIS BUANGAN TERJADUAL (BT)

Pada tahun 2025 sebanyak 24 lesen telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah kepada 9 buah syarikat bagi Premis Yang Ditetapkan untuk mengurus buangan terjadual seperti di Rajah 2.3.

Jadual 2.3 :Bilangan lesen premis buangan terjadual di negeri Sabah pada tahun 2025

DAERAH	NAMA PYDT (BUANGAN TERJADUAL)	JUMLAH LESEN	JENIS LESEN
Kota Kinabalu	Legenda Bumimas Sdn. Bhd.	7	Pembawa Yang Ditetapkan/ Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
			Kemudahan Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual
			Kemudahan Pengolahan Luar Tapak Buangan Terjadual
	Sedafiat Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan/ Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Rawatan Gelombang Mikro Buangan Terjadual
	Pentas Flora (Sabah) Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadua
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
	CMS Legacy Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual

	NCT Forwarding & Shipping Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
	Redsoft Solutions Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa E-Waste
	Petrojadi Sdn. Bhd.	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
	E Concern (Sabah) Sdn. Bhd.	3	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
			Kemudahan Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual
Tawau	JL Resource Technology	2	Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			Kemudahan Pemerolehan Kembali
JUMLAH	**9 PREMIS**	**24**	

PELESENAN PREMIS BUANGAN TERJADUAL (BT)

	NCT Forwarding & Shipping Sdn. Bhd.	2	1. Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			1. Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
	Redsoft Solutions Sdn. Bhd.	2	1. Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			1. Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa E-Waste
	Petrojadi Sdn. Bhd.	2	i) Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			ii) Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
	E Concern (Sabah) Sdn. Bhd.	3	1. Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			1. Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual
			1. Kemudahan Pemerolehan Kembali Buangan Terjadual
Tawau	JL Resource Technology	2	1. Pembawa Yang Ditetapkan / Pengangkutan Buangan Terjadual
			1. Kemudahan Pemerolehan Kembali
JUMLAH	**9 PREMIS**	**24**	

JAS
SABAH


OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK

OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA DAN KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK




Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan program-program penguatkuasaan terhadap aktiviti pembakaran terbuka yang membawa risiko kejadian jerebu setempat. Antara strategi dan tindakan awal yang diambil bagi mencegah berlakunya kejadian jerebu akibat aktiviti pembakaran terbuka adalah pemantauan dan penguatkuasaan melalui rondaan darat. Kawasan pemantauan pembakaran terbuka ditumpukan di kawasan yang mudah terbakar (fire prone area), kawasan yang berpotensi terbakar dan kawasan yang sering berlaku pembakaran terbuka. Kawasan yang mudah terbakar adalah seperti kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah.


Selain itu, unit ini bertindak menyiasat aduan awam ke atas aktiviti atau kegiatan pembakaran terbuka. Tahap kesedaran awam yang semakin bertambah baik menyebabkan bilangan aduan terutama dalam isu pembakaran terbuka bertambah. JAS juga turut memantau aktiviti pembakaran terbuka melalui maklumat titik panas yang dicerap oleh satelit. Hotspot (titik panas) yang dicerap melalui satelit NOAA 20 akan disiasat bagi menentukan sama ada berlaku pembakaran terbuka terutama melibatkan pembakaran hutan yang berskala besar. Sebanyak 207 kes aduan pembakaran terbuka diterima dan disiasat oleh JAS Sabah bagi tahun 2025 seperti ditunjukkan di Rajah 1. Manakala bilangan keseluruhan titik panas yang diterima dan disiasat oleh JAS Sabah pada tahun 2025 ialah sebanyak 102 kes seperti ditunjukkan di Rajah 2.




Carta 3.1 : Sebanyak 207 bilangan aduan Pembakaran Terbuka setiap bulan pada tahun 2025.




Carta 3.2 : Sebanyak 102 bilangan titik panas dikesan sepanjang tahun 2025.




Carta 3.3 : Jenis punca aduan pembakaran terbuka di seluruh negeri Sabah bagi tahun 2025



Carta 3.4 : Jenis punca titik panas dikesan di seluruh negeri Sabah pada tahun 2025.



Carta 3.5 : Bilangan aduan pembakaran terbuka dari tahun 2016 hingga 2025.



Carta 3.6 : Graf bilangan titik panas dari tahun 2015 hingga 2025.

Salah satu program yang dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia bagi menangani kebakaran di kawasan tanah gambut, dikenali sebagai Program Pengurusan dan Pencegahan Pembakaran Terbuka di Tanah Gambut yang Sering Terbakar. Beberapa fasiliti telah dibangunkan di bawah program ini, antaranya adalah pemasangan papan tanda ke seluruh negeri oleh Jabatan Alam Sekitar Sabah (JAS Sabah), pembinaan telaga tiub, check dam (empangan kecil), menara tinjau dan pemasangan piezometer di bawah seliaan Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Perhutanan Negeri Sabah.

Jadual 3.1 : Bilangan fasiliti yang telah dibina dari tahun 2010 sehingga tahun 2025.

Bil	Bil	Jumlah Sehingga 2025
1	Telaga Tiub	15
2	Piezometer	4
3	Check Dam	11
4	Menara Tinjau	2
5	Papan Tanda	49
6	Billboard	1

Sepanjang tahun 2025, JAS Sabah telah menerima peruntukan untuk mengadakan program Communication, Education And Public Awareness (CEPA).

Jadual 3.2 : Bilangan aktiviti dan program CEPA yang telah dijalankan.

Bil	Bil	Jumlah Sehingga 2025
1	CEPA - Program Kesedaran Larangan Pembakaran Terbuka Bersama Pemimpin Komuniti Daerah Tawau.	06 Julai 2025
2	CEPA - Program Kesedaran Larangan Pembakaran Terbuka Bersama Pemimpin Komuniti Daerah Sandakan.	27 September 2025
3	Uji Cuba Infra Gambut dan CEPA - Program Kesedaran Larangan Pembakaran Terbuka Bersama Pemimpin Komuniti Daerah Beaufort.	30 Oktober 2025

Unit ini juga ditugaskan untuk mengendalikan siasatan aduan tumpahan minyak marin. Selain menyiasat kes tumpahan minyak, unit ini bertanggungjawab sebagai Sekretariat Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) bagi Pelan Kontigensi Tumpahan Minyak Malaysia (MOSCoP) dan Ahli Jawatankuasa Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri Sabah. PTPP Negeri Sabah adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS) dan JAS Sabah terlibat dalam memberi input penyediaan PTPP Negeri Sabah.

Berikut adalah antara gambar-gambar aktiviti kesedaran dan hebahan makluman, penyiasatan aduan pembakaran terbuka dan tumpahan minyak, serta pemantauan melalui dron oleh JAS Sabah bagi tahun 2025:


Lawatan ke telaga tiub












Sesi demonstrasi cara-cara membuat baja Kompos sempena CEPA dihadapan menteri

JAS SABAH


PENGURUSAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

PENGURUSAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah adalah bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan sebarang aduan alam sekitar yang tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Aduan ini melibatkan pencemaran udara, air, buangan terjadual, bunyi bising, gegaran, tanah dan tumpahan minyak daripada aktiviti industri, kawasan perumahan dan komersial. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah memberi keutamaan kepada kes-kes aduan pencemaran yang diadu oleh orang ramai, pihak media massa dan lain-lain pihak yang diterima melalui pelbagai kaedah, termasuklah melalui telefon, sistem eADUAN, surat menyurat, hadir sendiri ke pejabat, e-mail dan lain-lain.

Setiap aduan di bawah bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar akan disiasat dengan segera selaras dengan piagam pelanggan Jabatan dan Biro Pengaduan Awam (BPA). Tindakan susulan sewajarnya akan diambil ke atas pihak yang dikenalpasti melakukan kesalahan tersebut dan sekiranya perkara yang diadu adalah di luar bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar, aduan tersebut akan dirujuk kepada Jabatan/Agensi lain yang berkaitan.


Pada tahun 2025, sebanyak 361 kes aduan pencemaran alam sekitar telah diterima oleh Jabatan ini. Semua aduan yang diterima telah diambil tindakan dan diselesaikan dalam tempoh piagam yang ditetapkan dan daripada jumlah aduan tersebut, 283 kes adalah dalam bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar, sementara 78 kes lagi adalah aduan di luar bidang kuasa/dirujuk ke Jabatan/Agensi lain yang berkaitan.



Carta 4.1 : Perbandingan kes aduan pencemaran alam sekitar dalam tempoh 5 tahun.


PENGURUSAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Manakala aduan yang diterima oleh JAS Negeri Sabah adalah pada kategori dalam bidangkuasa dan luar bidang kuasa dapat ditunjukkan pada Carta 4.2.



Carta 4.2 : Aduan Yang Diterima Oleh JAS Negeri Sabah Bagi Kategori Dalam Bidangkuasa Dan Luar Bidang Kuasa

Aduan berkaitan pencemaran udara merupakan jenis aduan terbanyak diterima iaitu sebanyak 250 kes (69.25 %), diikuti pencemaran air (47 kes) (13.01 %), lain-lain (19 kes) (5.26 %), tumpahan minyak semua adalah tumpahan di perairan daratan (12 kes) (3.32%), buangan terjadual (7 kes) (1.93 %), tanah (2 kes) (0.55 %). Manakala bunyi bising dan gegaran masing-masing 21 dan 3 aduan (6.92%) seperti yang ditunjukkan dalam Carta 4.3. Aduan pencemaran udara melibatkan antaranya pembakaran terbuka, pelepasan habuk daripada projek pembinaan dan pelepasan asap hitam kilang.



Carta 4.3 : Peratusan Jenis Aduan Yang Diterima Oleh JAS Negeri Sabah Tahun 2025










JAS SABAH

KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

PENGENALAN

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah menjalankan penguatkuasaan kenderaan bermotor seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kualiti alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.



Secara amnya, peningkatan kenderaan perdagangan dan persendirian semakin meningkat di negeri Sabah setiap tahun dan ini menyebabkan peningkatan kepada pencemaran udara akibat daripada pelepasan asap dan gas dari kenderaan. Oleh yang demikian, bagi mengawal pencemaran udara yang berpunca daripada pelepasan asap hitam kenderaan diesel, gas monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) dari kenderaan petrol serta pelepasan bunyi bising daripada motorsikal, unit Kenderaan Bermotor Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah memainkan peranan dan tanggungjawab besar dalam menangani permasalahan ini. Justeru itu, bilangan operasi bersama agensi luar seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik semakin meningkat demi mengawal dan mengurangkan punca pencemaran ini yang secara langsung menyebabkan kesan kepada masyarakat dan negeri amnya.

KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

PENGUATKUASAAN KE ATAS KENDERAAN DIESEL

Dalam menjalankan penguatkuasaan ke atas kenderaan diesel, dua kaedah dilaksanakan iaitu operasi statik dan pemerhatian visual menggunakan kamera video / operasi catat.



Rajah 5.1 : Ujian asap hitam dijalankan ke atas kenderaan Diesel semasa operasi statik dijalankan.



Rajah 5.2 : Persekitaran program penguatkuasaan operasi statik .

KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

OPERASI GERAK DAN OPERASI STATIK

Operasi Gerak dan Operasi Statik adalah operasi yang dijalankan bersama dengan agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan dan lain-lain agensi berkaitan. Operasi ini tidak tertumpu kepada penguatkuasaan kawalan pelepasan asap hitam daripada kenderaan diesel sahaja, malah beberapa jenis penguatkuasaan kawalan pencemaran daripada kenderaan juga turut dijalankan seperti kawalan pencemaran bunyi bising daripada motorsikal dan kawalan pelepasan CO/HC daripada kenderaan petrol dengan menggunakan mesin gas CO-HC Analyzer melalui kaedah ujian *idling* di jalan raya.



Rajah 5.3 : Ujian asap hitam dijalankan ke atas kenderaan Diesel semasa operasi statik dijalankan.



Rajah 5.4 : Ujian asap hitam dijalankan ke atas kenderaan Diesel semasa operasi statik dijalankan.

KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

OPS CATAT / KAMERA VIDEO





Rajah 5.5 dan Rajah 5.6 : Operasi Catat (Ops Catat / Video Kamera) dilaksanakan oleh pegawai JAS terutama di kawasan-kawasan bandar. Pegawai ditugaskan di lokasi strategik tertentu untuk mencatat nombor kenderaan dan merakam gambar kenderaan yang melepaskan asap hitam berlebihan.


STATUS JUMLAH OPERASI STATIK DAN OPERASI CATAT YANG DILAKSANAKAN BAGI PROGRAM OPERASI KAWALAN PELEPASAN ASAP HITAM KENDERAAN DIESEL TAHUN 2025



KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

NOTIS ARAHAN SEKSYEN 48A, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Sebanyak 112 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dikeluarkan ke atas pemilik kenderaan berenjin diesel yang didapati melepaskan asap hitam berlebihan melalui operasi bersepadu statik, operasi catat ataupun melalui aduan orang awam. Pemilik kenderaan yang diberi Notis Arahan tersebut dikehendaki membawa kenderaan mereka untuk menjalani pelepasan asap hitam oleh Jabatan Alam Sekitar dan jika gagal mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.



Carta 5.1 : Jumlah Ops yang telah dijalankan dan jumlah Notis Arahan yang telah dikeluarkan sepanjang tahun 2025.

KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

PEMERIKSAAN KE ATAS KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)

Kemudahan Yang Diluluskan, (KYDL) ialah suatu kemudahan, tempat atau bengkel yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menyediakan kemudahan menjalankan ujian pelepasan daripada kenderaan motor sama ada berenjin diesel atau petrol atau kedua-duanya sekali. KYDL dilengkapkan dengan meter pengukuran asap yang berkenaan dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.



Rajah 5.7 : Beberapa kenderaan yang sedang diuji dengan alat ujian asap hitam di PUSPAKOM

KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

PROGRAM PEMERIKSAAN KE ATAS PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR)

Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) yang memiliki lebih 10 buah kenderaan berenjin diesel dikehendaki menyelenggara satu kemudahan diluluskan dan hendaklah menjalankan ujian pelepasan asap hitam ke atas kenderaan motornya secara berkala sebagaimana kehendak Peraturan-peraturan Kualiti Alam (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996. Lawatan penguatkuasaan ke atas Fleet Operator adalah bertujuan bagi mengawal pencemaran udara di peringkat punca. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 28 pengendali Fleet Operator telah di periksa dengan jumlah sebanyak 26 lawatan.





Rajah 5.8 & Rajah 5.9 : Pegawai JAS sedang melakukan ujian asap hitam

PENGUATKUASAAN PENGURUSAN REFRIGERANT

Pemeriksaan ini dijalankan ke atas mana-mana premis yang menyediakan pengurusan refrigerant dengan memastikan pengurusan refrigerant dikendalikan dengan baik dan pengendali adalah orang yang telah mendapat latihan yang telah diluluskan. Pada tahun 2024 sebanyak 13 pemeriksaan dibuat ke atas premis yang terlibat dengan refrigerant.



Rajah 5.10 : Pegawai JAS memberikan penerangan kepada pemilik premis dan melakukan ujian kandungan gas (refrigerant) yang terkandung dalam tong gas milik premis.

KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

PENGUATKUASAAN PERATURAN 16

Pemeriksaan yang dijalankan ke atas mana-mana terminal pengangkutan awam (kenderaan berenjin diesel dan petrol) tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian (tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana–mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih dari 3 minit).




Rajah Rajah 5.11 : Pemeriksaan di Terminal Bas.

KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

PROGRAM KAWALAN PENCEMARAN DARIPADA MOTORSIKAL

LAIN-LAIN PROGRAM KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR



Carta 5.2 : Graf Menunjukkan Peratus Program Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2025

Operasi dilaksanakan secara bersepadu bersama agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi. Tumpuan operasi adalah kepada kenderaan perdagangan. Walaubagaimanapun di Sabah ini jarang kenderaan petrol digunakan sebagai kenderaan perdagangan. Kebanyakannya kenderaan perdagangan adalah kenderaan berenjin diesel. Oleh itu operasi hanya tertumpu kepada kenderaan petrol awam dan motorsikal sahaja.Parameter yang diuji bagi kenderaan petrol adalah karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) manakala bagi motorsikal hanya karbon monoksida (CO) sahaja.

Terdapat dua jenis kawalan pencemaran daripada motorsikal yang dijalankan iaitu kawalan pelepasan bunyi bising dan pelepasan gas Karbon Monoksida (CO). Program penguatkuasaan ini biasanya dijalankan serentak dalam operasi statik Kawalan Pelepasan bagi kenderaan petrol bersama agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi. Sebanyak 6 operasi bunyi bising dan 2 operasi pelepasan gas motosikal telah berjaya di jalankan sepanjang tahun 2025.



Rajah 5.12 : Pemeriksaan Bunyi Bising

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

PENGENALAN

Unit Pendakwaan merupakan salah satu daripada unit di bawah Bahagian Operasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah. Unit adalah terdiri daripada dua orang pegawai pendakwa iaitu seorang Penolong Pengarah Kanan (Gred KUP 12) dan seorang Penolong Pegawai Kawalan Kanan (Gred 6) yang melapor terus kepada Timbalan Pengarah (Ketua Bahagian Operasi, Gred 13). Unit ini merupakan unit yang bertanggungjawab bagi penerimaan dan semakan Kertas Siasatan yang disediakan oleh pegawai-pegawai penyiasat Jabatan susulan ketidakpatuhan dan kesalahan yang dilakukan ke atas Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974 termasuk Subsidiari dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.


Kertas Siasatan yang telah disemak oleh unit ini akan disemak secara lanjut oleh Ketua Bahagian Operasi dan diperakukan oleh Pengarah dan seterusnya akan dikemukakan ke pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri Sabah (PPN). Permohonan bagi mendapatkan izin mendakwa di bawah Seksyen 44, AKAS 1974 adalah bagi kesalahan yang mana tindakan mahkamah akan diambil manakala izin mengkompaun di bawah Seksyen 45, AKAS 1974 pula adalah bagi kesalahan yang mana akan diteruskan dengan tindakan kompaun. Penyerahan kertas siasatan ke PPN adalah didaftarkan melalui sistem atas talian (eservices.agc.gov.my).

Bagi Kertas Siasatan yang telah mendapat izin mendakwa di bawah Seksyen 44, AKAS 1974 daripada pejabat PPN, kes berkenaan kemudiannya akan didaftarkan ke dalam sistem e-Kehakiman Sabah Sarawak (EKSS) iaitu sistem Integrated Court System secara atas talian yang menggantikan sistem pendaftaran secara manual sebelum ini. Penetapan tarikh sebutan kes di mahkamah, pengurusan kes, muatnaik dokumen, muatnaik eksibit dan sebarang urusan permohonan berkaitan mahkamah adalah menggunakan sistem EKSS ini. Pengguna berdaftar Jabatan bagi sistem ini adalah terhad kepada pegawai-pegawai pendakwa Jabatan sahaja.

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

KERTAS SIASATAN UNTUK TINDAKAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 17 kertas siasatan telah dibuka melibatkan 55 pertuduhan. Pecahan pertuduhan mengikut kesalahan adalah seperti Rajah di bawah:



Carta 6.1 : Bilangan Kes Mengikut Kesalahan di Bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974

Berdasarkan rajah di atas, kertas siasatan bagi kes mahkamah yang tertinggi adalah bagi kesalahan di bawah Seksyen 16(1) iaitu kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat lesen. Sepanjang tahun 2025 juga sebanyak 18 kes telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen di Sabah seperti ditunjukkan di Jadual di bawah:

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH

Jadual 6.1 : Bilangan Kes Yang Berjaya Didaftarkan di Mahkamah.

Bil:	Mahkamah:	Bilangan Kes Didafarkan:
1	Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu	4
2	Mahkamah Sesyen Tawau	5
3	Mahkamah Sesyen Sandakan	5
4	Mahkamah Sesyen Lahad Datu	4
	Jumlah	18

Bagi tahun 2025, 14 kes telah selesai di peringkat sebutan yang mana pihak Orang Kena Saman (OKS) telah mengaku salah. Jumlah pungutan denda yang telah dijelaskan bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM 364,000.00 .


KERTAS SIASATAN UNTUK TAWARAN KOMPAUN

Sepanjang tahun 2025, sejumlah 48 kertas siasatan melibatkan 172 pertuduhan tawaran kompaun di bawah Seksyen 45, AKAS 1974 berjaya diberikan izin mengkompaun daripada pejabat PPN.

Jadual 6.2 : Pecahan tawaran Kompaun Mengikut Kesalahan

Bil.	**Kesalahan**	**Bilangan Kompaun Mengikut Kesalahan**
1	PKAS (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987	15
2	PPKAS (Buangan Terjadual) 2005	149
3	PKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996	6
4	PPKAS(Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal & Kambus Tanah) 2005	2
	Jumlah	**172**

PENDAKWAAN DAN TINDAKAN MAHKAMAH



Carta 6.1 : Bilangan Kompaun Mengikut Kesalahan Bagi Tahun 2025

NOTIS ARAHAN

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 277 Notis Arahan di Bawah Seksyen 31 dan Notis Arahan di Bawah Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan oleh JAS Negeri Sabah (termasuk pejabat-pejabat cawangan) kepada pihak industri dan individu atas kesalahan-kesalahan dilakukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan- Peraturan di bawahnya. Notis Arahan dikeluarkan bertujuan untuk mengarahkan pihak industri dan individu untuk mengambil tindakan penambahbaikan segera bagi memastikan aktiviti yang mencemar tidak lagi menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar.

GANTUNG LESEN DAN PENAHANAN OPERASI KELENGKAPAN

Sepanjang tahun 2025, sebanyak empat (4) Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) telah dijalankan ke atas dua (2) premis kilang kelapa sawit, satu (1) premis kilang haram berkaitan buangan terjadual dan satu (1) premis kilang logam. Bagi kes Gantung Lesen (GL) pula sebanyak lima (5) premis telah dikenakan tindakan gantung lesen iaitu empat (4) Premis Yang Ditetapkan – Buangan Terjadual (PYDT-BT) dan satu (1) premis kilang kelapa sawit. Bagi tahun 2025, tiada arahan Perintah Larangan dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah.

Tindakan POK biasanya akan dikenakan kepada peralatan atau kelengkapan di dalam premis yang menyebabkan pencemaran yang serius kepada alam sekeliling manakala tindakan menggantung lesen pula merujuk kepada penggantungan lesen untuk beroperasi premis yang ditetapkan (PYDT) yang menyebabkan pencemaran yang serius. Tindakan-tindakan ini biasanya hanya akan ditarik balik apabila pihak Jabatan berpuas hati dengan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh pihak industri.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan



AMIR HAMZAH BIN HJ. MUSA

Ketua Penolong Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Negeri Sabah

> Pemerkasaan alam sekitar bermula dengan kesedaran, diperkukuh melalui tindakan dan dipelihara dengan kerjasama semua. Bersama kita melindungi alam demi kesejahteraan masyarakat serta kelestarian bumi untuk generasi akan datang.

PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR

Oleh
CHAI HSIEH NEE





HARI BUMI

(21-22 APRIL 2025)

PERTANDINGAN MELUKIS HARI BUMI

Sebanyak 2300 penyertaan dengan 30 buah sekolah telah menyertai Pertandingan Melukis Hari Bumi.

PERTANDINGAN MENCIPTA VIDEO ALAM SEKITAR

Sebanyak 2300 penyertaan dengan 30 buah sekolah telah menyertai pertandingan yang telah dianjurkan.

PAMERAN HARI BUMI

Antara Pameran yang dibuat adalah Pameran VR yang memberi pendedahan kepada pelajar mengenai persekitaran alam yang tercemar.

PENANAMAN 61,000 POKOK

Penanaman pokok serentak di Sekolah dalam Daerah Tuaran

PENANAMAN 8888 POKOK LIPOSU

Telah dilaksanakan dengan sejarah JAS Sabah telah mendapat *Malaysia Book of Record 2025*

MAJLIS SAMBUTAN HARI BUMI TUARAN

Majlis sambutan ini dilangsungkan pada 22 April 2025 dan dirasmikan oleh YB Madius Tangau

KEMPEN HARI BUMI BERSAMA SK KAULUAN TUARAN

Hari Bumi disambut dengan jayanya bersama sekolah dan juga orang awam.

PLOGGING SEMPENA HARI BUMI BERSAMA SMK PEKAN KUALA PENYU

Aktiviti plogging dengan kutipan sampah sebanyak 150 Tan

KEMPEN HARI BUMI BERSAMA SJK CHI HWA SANDAKAN

Kempen Hari Bumi yang dianjurkan melibatkan para pelajar yang bersekolah di daerah Sandakan.






It's Our Power
It's Our Planet




TUARAN
Ucapan Alu-aluan
Yang Berhormat
Datuk Seri Panglima Madius Tangau
Ahli Parlimen P.170 Tuaran merangkap













PROGRAM
HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

01
Ceramah Alam Sekitar

02
Pameran Alam Sekitar

03
Pameran Malaysia MADANI Alam Sekitar di Tawau

04
Persidangan Panel Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI) Kali ke-13

05
Seminar Pematuhan Pengurusan Buangan Terjadual dan Penyerahan Lesen PYDT (BT)

06
Program Kesedaran bersama pelajar smk membakut 2

07
Penyertaan Program My City, My Responsibility

08
Seminar Pematuhan Kelestarian Industri Sawit di Sabah

09
PROGRAM PENGUMPULAN HOUSEHOLD E-WASTE

10
PROGRAM KESEDARAN LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA BERSAMA KOMUNITI TAWAU

11
JERAYAWARA & HEBAHAN PROGRAM SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR

12
Program Save & Sew Kelestarian Alam




ECO WARRIORS DAY
"Pengurusan Household E-Waste di Sabah" BY
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH
Ms Chai Hsieh Nee
Date : 22nd March 2025
Time : 2.30 PM
Centre Point Sabah Shopping Mall
010-2606259 (Urika) 0117-7412 8785 (Hotline)




SABAH
Kahoot!
PEMBAKARAN TERBUKA
Tung
Pak Jabit




JABATAN ALAM SEKITAR




SABAH MAJU JAYA
NRES


Sekolah Lestari
KOMPONEN
PENGURUSAN
KURIKULUM

PROGRAM HARI OZON

(26 SEPTEMBER 2025)

01
KEM LESTARI SEMPENA HARI OZON

02
FUN RUN OUR OZONE LAYER 2025

03
PROGRAM PENANAMAN POKOK

04
KUIZ OZON & ALAM SEKITAR

05
PAMERAN HARI OZON SEDUNIA



06
PERTANDINGAN MEWARNA BERTEMAKAN LAPISAN OZON SEKOLAH RENDAH

07
UJI ASAP KENDERAAN BERMOTOR

08
POCKET TALK LAPISAN OZON

09
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI OZON

10
KEM OZON LESTARI SK RUMINDING

11
KEMPEN OMPT & OZON LAYER


RITONIC


RITONIC




1st
JACOBS










PROGRAM HARI ALAM SEKITAR NEGARA

(21 OKTOBER 2025)

- PERTANDINGAN UPCYCLING E-WASTE ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI
  - PERTANDINGAN MELUKIS SEKOLAH RENDAH
- PERTANDINGAN INFOGRAFIK ALAM SEKITAR SEKOLAH MENENGAH
  - PERTANDINGAN FOTOGRAFI KELESTARIAN ALAM
- PAMERAN ALAM SEKITAR
  - PROGRAM PENGUMPULAN HOUSEHOLD E-WASTE
- PERTANDINGAN INFOGRAFIK ALAM SEKITAR SEKOLAH MENENGAH
  - SESI PENGHARGAAN RAKAN STRATEGIK
- MANGROVE WALK
  - MANGROVE REPLANTING
- POCKET TALKS ALAM SEKITAR
  - KEMPEN HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA
- MAJLIS ANUGERAH SEKOLAH RAKAN ALAM SEKITAR (SERASI) KALI KE-13
  - SEMINAR PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL DI KOTA KINABALU
- SEMINAR PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL DI SANDAKAN









Sekolah Lestari
KOMPONEN
SEK KEB SRI GAYA
KOTA KINABALU
SABAH












KUDAH



JAS NEGERI
SABAH

PENGUATKUASAAN EIA



PENGUATKUASAAN EIA

Penguatkuasaan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) adalah satu mekanisme penting bagi memastikan pemaju dan penggerak projek mematuhi sepenuhnya syarat-syarat yang ditetapkan dalam kelulusan Laporan EIA. Penguatkuasaan ini selaras dengan keperluan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 yang bertujuan untuk melindungi kualiti alam sekitar sepanjang proses pembangunan. Salah satu fokus utama dalam penguatkuasaan adalah tapak projek, khususnya pada peringkat pembersihan tapak, kerja tanah, dan pembinaan. Selain itu, perhatian juga diberikan kepada langkah-langkah perlindungan sementara untuk kawasan yang terdedah kepada hakisan tanah dan kelodakan di tapak pembinaan. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah turut menjalankan penguatkuasaan terhadap premis yang mempunyai kelulusan EIA dalam fasa operasi seperti Loji Rawatan Kumbahan dan Tapak Pelupusan Sanitari Sisa Pepejal.

Pada tahun 2025, program penguatkuasaan yang menyeluruh telah dilaksanakan untuk memantau dan memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan dalam laporan kelulusan EIA dan AKAS 1974. Sebanyak 45 premis dan projek EIA telah diperiksa, dengan 120 bilangan siasatan dilaksanakan. Tujuan siasatan ini adalah untuk menilai status pembangunan dan memeriksa sama ada syarat-syarat EIA dan AKAS 1974 dipatuhi dengan baik (lihat Jadual 7.1).

Daripada jumlah siasatan yang dijalankan, sebanyak 10 Notis Arahan telah dikeluarkan kepada pemaju yang gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA, serta peraturan-peraturan di bawah AKAS 1974 (lihat Jadual 7.2). Pengeluaran Notis Arahan ini adalah sebahagian daripada proses penguatkuasaan yang penting bagi memastikan tindakan pembetulan diambil dengan segera terhadap pemaju yang tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.









PENGUATKUASAAN EIA

Selain daripada pemeriksaan di tapak, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah juga bertanggungjawab untuk menyemak Laporan Pengawasan Alam Sekitar (EMR) dan Laporan Audit Alam Sekeliling. Audit alam sekitar yang dijalankan oleh Juruaudit pihak ketiga yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar adalah bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan alam sekitar di bawah Seksyen 33A, AKAS 1974. Penguatkuasaan Desktop (DE) telah dijalankan bagi memastikan pelaporan bagi EMR, Laporan Audit, Borang EIA 1-18 dan Borang EIA 2-18 memenuhi obligasi Pemaju Projek dalam mematuhi syarat kelulusan EIA. Sejumlah 35 DE yang dilaksanakan ini memainkan peranan penting dalam pemantauan berterusan dan verifikasi pematuhan, memberikan analisis lebih mendalam mengenai impak alam sekitar serta langkah-langkah mitigasi yang diambil oleh pemaju projek.

Jadual 7.1 : Bilangan Tindakan Penguatkuasaan EIA

TINDAKAN	BILANGAN
FIELD CITATION	85
NOTIS ARAHAN	10
KOMPAUN	0
PERINTAH LARANGAN	0
MAHKAMAH	0

Jadual 7.2 : Bilangan pemeriksaan yang dilaksanakan pada tahun 2026

JENIS PEMERIKSAAN	BILANGAN
CAC	85
DE	35

JAS SABAH

PEMATUHAN NOTIFIKASI & KEBENARAN BERTULIS




PEMATUHAN NOTIFIKASI & PEMBERITAHUAN BERTULIS

PERMOHONAN KEBENARAN BERTULIS (KB)

Kebenaran Bertulis (KB) dan Pemberitahuan Bertulis (PB) memegang peranan mandatori dalam mengawal selia pematuhan industri terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Di bawah peruntukan Seksyen 19, mana-mana pembinaan premis ditetapkan (PYDT) seperti Kilang Kelapa Sawit (KKS), Kilang Getah (KG), dan Kemudahan Buangan Terjadual (BT) diwajibkan memperoleh Kebenaran Bertulis (KB) sebelum sebarang kerja dimulakan. Keperluan ini turut meliputi sebarang perubahan struktur, penambahan peralatan loji, atau peningkatan kapasiti pengeluaran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977.

Sepanjang tahun 2025, JAS Sabah telah memproses sebanyak 45 permohonan Kebenaran Bertulis bagi Premis Yang Ditetapkan. Pecahan permohonan adalah seperti berikut:



Carta 7.1 : Statistik Permohonan Kebenaran Bertulis (KB) Mengikut Kategori Premis Bagi Tahun 2025

PEMATUHAN NOTIFIKASI & PEMBERITAHUAN BERTULIS

PEMPROSESAN PEMBERITAHUAN BERTULIS (PB)

Bagi instrumen Pemberitahuan Bertulis, pematuhan adalah tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, (Efluen Perindustrian) 2009, serta (Kawalan Pencemaran daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Peraturan ini mewajibkan setiap premis mengemukakan notifikasi kepada Jabatan Alam Sekitar sebelum memulakan pembinaan Loji Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP), Sistem Pengolahan Larut Resapan (SPLR), atau Sistem Pengolahan Kumbahan (SPK). Keperluan ini turut merangkumi sebarang pengubahan pada unit proses atau peralatan.

Selain daripada kawalan melalui Kebenaran Bertulis, unit ini juga bertanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan instrumen Pemberitahuan Bertulis. Instrumen ini merupakan mekanisme kawalan kendiri (self-regulation) di mana pihak industri diwajibkan untuk memaklumkan kepada Jabatan mengenai pemasangan atau perubahan pada sistem kawalan pencemaran sebelum operasi dimulakan.

Skop kawalan selia bagi Pemberitahuan Bertulis ini merangkumi empat (4) peraturan utama di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu:


1. Peraturan-Peraturan (Efluen Perindustrian) 2009: Melibatkan sistem pengolahan efluen dan permohonan pelupusan enap cemar ke atas tanah (Peraturan 23).
2. Peraturan-Peraturan (Kumbahan) 2009: Melibatkan loji rawatan kumbahan dan pelupusan enap cemar ke tanah (Peraturan 15).
3. Peraturan-Peraturan (Udara Bersih) 2014: Melibatkan pemasangan sistem kawalan pencemaran udara seperti scrubber, bag filter, dan cerobong (Peraturan 5).
4. Peraturan-Peraturan (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Dan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal) 2009: Melibatkan sistem pengolahan cecair larut resap (leachate).

Melalui integrasi notifikasi ini, Jabatan dapat memastikan setiap teknologi kawalan yang diguna pakai oleh industri adalah kompeten dan mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan bagi memelihara kualiti udara dan sumber air negeri.

Bagi tahun 2025, sebanyak 427 Pemberitahuan Bertulis telah diproses, yang merangkumi pelbagai aspek kawalan pencemaran selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Pecahan permohonan menunjukkan aktiviti kawalan udara bersih adalah yang paling dominan, diikuti oleh kawalan sisa cecair dan kumbahan seperti berikut:

PEMATUHAN NOTIFIKASI & PEMBERITAHUAN BERTULIS

Bagi tahun 2025, sebanyak 427 Pemberitahuan Bertulis telah diproses, yang merangkumi pelbagai aspek kawalan pencemaran selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Pecahan permohonan menunjukkan aktiviti kawalan udara bersih adalah yang paling dominan, diikuti oleh kawalan sisa cecair dan kumbahan seperti berikut:




Carta 7.2 : Jumlah permohonan Pemberitahuan Bertulis bagi tahun 2025.

1. Kawalan Pencemaran Udara: Sebanyak 230 permohonan diterima bagi Alat Pembakaran Bahan Api (APB) dan 135 permohonan bagi Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU) di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.
2. Sistem Rawatan Kumbahan: Sebanyak 42 permohonan telah diproses bagi memastikan pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan (Kumbahan) 2009.
3. Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP): Unit menerima 20 permohonan bagi pemasangan dan naik taraf sistem rawatan di bawah Peraturan-Peraturan (Efluen Perindustrian) 2009, termasuk permohonan pelupusan enap cemar ke atas tanah.
4. Sistem Larut Resap (Leachate): Tiada permohonan direkodkan bagi kategori ini di bawah Peraturan-Peraturan (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Dan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal) 2009 dalam tempoh laporan semasa.

PEMATUHAN NOTIFIKASI & PEMBERITAHUAN BERTULIS

Jumlah permohonan APB yang tinggi (230) mencerminkan aktiviti ekonomi yang aktif, khususnya dalam penggunaan janakuasa (genset) dan dandang (boiler) oleh sektor industri dan komersial di negeri ini. Perincian permohonan APB adalah seperti berikut:



Carta 7.3 : Perincian Pemberitahuan Bertulis mengikut jenis APB bagi tahun 2025

Selain daripada membuat Pemberitahuan Bertulis, pihak premis bertanggungjawab untuk membuat Pengisytiharan Bertulis setelah komponen PB diperakukan dan pemasangan telah siap dan digunakan di tapak. Bagi mengesahkan Pengisytiharan Bertulis ini, lawatan verifikasi akan dijalankan oleh Unit Pemberitahuan dan Kebenaran Bertulis. Sepanjang tahun 2026, sebanyak 6 lawatan verifikasi dijalankan bagi PB Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan 4 bagi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan (Kumbahan) 2009.

PEMATUHAN NOTIFIKASI & PEMBERITAHUAN BERTULIS



Rajah 7.1 : Lawatan Verifikasi bagi Sistem Pengolahan Efluen Peridustrian



Rajah 7.2 : Lawatan Verifikasi Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian



Rajah 7.3 : Lawatan Verifikasi.




EIA
& INPUT PEMBANGUNAN

PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING

Keperluan penyediaan Laporan EIA adalah bagi aktiviti-aktiviti yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Aktiviti-aktiviti di bawah Perintah ini iaitu Aktiviti Yang Ditetapkan (AYDT) terbahagi kepada Jadual Pertama dan Jadual Kedua yang mana Laporan EIA Jadual Pertama diproses oleh Unit EIA dan Input Pembangunan (Unit EIA & IP), unit di bawah Bahagian Pembangunan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sabah. Manakala, bagi Laporan EIA Jadual Kedua akan diproses oleh Bahagian Penilaian di Ibu Pejabat JAS, Putrajaya.

Daripada sejumlah dua puluh satu (21) aktiviti di bawah Jadual Pertama, hanya lima (5) AYDT sahaja tertakluk di bawah bidangkuasa JAS di Negeri Sabah iaitu melibatkan aktiviti aerodrom, industri, petroleum, penjanaan dan pemancaran kuasa (stesen janakuasa stim dan kitar padu) serta pengolahan dan pelupusan buangan (melibatkan sisa pepejal dan sisa buangan terjadual). Pada tahun 2025, sebanyak sepuluh (10) Laporan EIA yang diterima dan diproses. Rajah 1 menunjukkan bilangan Laporan EIA yang diterima dan diproses oleh JAS Negeri Sabah sepanjang tempoh lima (5) tahun manakala Jadual 2 menunjukkan bilangan Laporan EIA yang diproses mengikut aktiviti (AYDT):



Carta 8.1 : Bilangan Laporan EIA yang diproses mengikut aktiviti (AYDT) pada tahun 2025.

Jadual 8.1 : Bilangan Laporan EIA yang diproses mengikut aktiviti (AYDT) pada tahun 2025.

BIL	AKTIVITI YANG DITETAPKAN (AYD)	BILANGAN AYD YANG TERLIBAT DALAM LAPORAN EIA	
		LAPORAN EIA YANG DITERIMA	LAPORAN EIA YANG
		JADUAL 1	JADUAL 1
1	Aktiviti 2 : Aerodrom	0	0
2	Aktiviti 6 : Industri	0	0
3	Aktiviti 9 : Petroleum	**2**	**1**
4	Aktiviti 11 : Penjanaan dan Pemancaran Kuasa	0	0
5	Aktiviti 14 : Pengolahan dan Pelupusan Buangan	**13**	**3**
	Bilangan Laporan EIA diterima Tahun 2025 : 10 **Bilangan Laporan EIA diluluskan Tahun 2025 : 3**		

PROGRAM EIA & INPUT PEMBANGUNAN

Pemprosesan dan penilaian Laporan EIA secara pentadbiran juga dilaksanakan bagi aktiviti pembangunan medan minyak dan gas yang terletak di kawasan zon ekonomi eksklusif (EEZ). Syor-syor pelaksanaan Laporan EIA akan dikeluarkan bagi Laporan EIA yang diproses secara pentadbiran ini. Sebanyak dua (2) Laporan EIA yang diterima dan diproses secara pentadbiran pada tahun 2025.

Unit EIA & IP juga bertanggungjawab untuk menilai prestasi jururunding EIA yang mengemukakan Laporan EIA kepada JAS Sabah. Penilaian prestasi berkenaan akan dipanjangkan kepada pihak Sekretariat Skim Pendaftaran Jururunding EIA, Bahagian Penilaian JAS Ibu Pejabat di Putrajaya sebagai salah satu mekanisma dalam mengawal kredibiliti dan kualiti kajian serta Laporan yang disediakan oleh jururunding EIA yang mengemukakan Laporan EIA kepada JAS.

Selepas mendapat kelulusan Laporan EIA, Dokumen Environmental Management Plan (EMP) pada kebiasaannya disediakan dan dikemukakan kepada JAS sebelum projek mula dilaksanakan. Bagi dokumen EMP projek EIA yang baru, Pelan Pengurusan Alam Sekitar dilaksanakan sepenuhnya mengikut langkah-langkah kawalan dan pencegahan pencemaran (P2M2) dan program pemantauan alam sekitar yang telah diluluskan dalam Laporan EIA. Dokumen EMP merupakan dokumen dinamik yang mana perlu dikemaskini tertakluk kepada fasa pelaksanaan projek atau sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada P2M2 serta program pemantauan alam sekitar yang akan dilaksanakan. Dokumen EMP juga adalah satu dokumen yang menunjukkan komitmen pihak penggerak projek untuk memastikan syarat-syarat kelulusan Laporan EIA dipatuhi. Pada tahun 2025, sebanyak dua puluh tiga (23) Dokumen EMP yang diterima dan diproses.

INPUT PEMBANGUNAN



PENGENALAN

Input pembangunan adalah proses pemakluman mengenai keperluan alam sekitar di bawah bidangkuasa JAS bagi projek-projek pembangunan yang baru atau sedia ada. Ulasan dan input pembangunan diberikan sama ada berdasarkan kepada Pelan Pembangunan (DP – Development Plan) dan Pelan Bangunan (BP – Building Plan) yang diterima daripada daerah-daerah di seluruh Negeri Sabah melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau melalui surat permohonan ulasan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan dan Syarikat Swasta (Pemaju Projek). Selain daripada ulasan dan input bertulis berpandukan pelan pembangunan yang dikemukakan, ulasan juga turut diberikan semasa menghadiri mesyuarat perancangan dan tindakan di peringkat daerah. Pegawai-pegawai di pejabat cawangan JAS (Sandakan, Tawau dan Sipitang) juga membantu menghadiri mesyuarat di peringkat daerah di bawah jajahan cawangan masing-masing. JAS Negeri Sabah turut membimbing pihak PBT dalam pemakaian Garispanduan Guidelines on Pollution Prevention in Industrial Siting (PPIS), 2025 yang mana menekankan penggunaan Best Available Techniques / Technologies (BATs) oleh pihak industri dalam kawalan dan pencegahan pencemaran alam sekitar.

Pada tahun 2025, sebanyak 350 ulasan Input Pembangunan yang diberikan kepada pemohon dan PBT sama ada secara lisan dan secara bertulis. Jadual 8.2 menunjukkan bilangan permohonan Input Pembangunan yang diterima mengikut daerah di Negeri Sabah.

Jadual 8.2 : Bilangan Permohonan Input Pembangunan (IP) yang Diterima Mengikut Daerah di Negeri Sabah Sepanjang Tahun 2025

NO	DAERAH	JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA
1	KOTA KINABALU	65
2	PAPAR	23
3	TUARAN	13
4	KOTA BELUD	28
5	PENAMPANG	8
6	KOTA MARUDU	1
7	KUDAT	13
8	PITAS	2
9	BELURAN	8
10	TELUPID	2
11	TONGOD	7
12	RANAU	8
13	SANDAKAN	22
14	KINABATANGAN	15

15	LAHAD DATU	21
16	SEMPORNA	39
17	KUNAK	14
18	TAWAU	14
19	NABAWAN	3
20	KENINGAU	5
21	TAMBUNAN	0
22	TENOM	2
23	SIPITANG	12
24	BEAUFORT	1
25	KUALA PENYU	9
26	PUTATAN	2
27	PAITAN	1
28	MEMBAKUT	1
29	KALABAKAN	1
30	LAIN-LAIN (PELANTAR BENUA, ZEE, DLL)	10
	JUMLAH	**350**

EIA & INPUT PEMBANGUNAN



Rajah 8.1 : Sesi mesyuarat EIATRC yang telah diadakan pada 24 Februari 2025

Selain itu, JAS juga terlibat dalam memberikan ulasan dan input teknikal ke atas Laporan EIA dan Pollution Mitigation Measures (PMM) yang diproses oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) Sabah yang dirujuk dan dikemukakan kepada pihak JAS untuk ulasan dan komen. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 90 ulasan dan input teknikal ke atas Laporan EIA dan PMM yang diproses oleh JPAS yang dikeluarkan oleh JAS Negeri Sabah.

JAS Sabah juga bertanggungjawab untuk menghadiri mesyuarat dan memberikan input pembangunan serta teknikal bagi cadangan pelaburan, kajian dasar, pembangunan polisi-polisi kerajaan negeri yang baru dan juga sebarang kajian teknikal yang melibatkan input daripada JAS. Sepanjang Tahun 2025, sebanyak lima puluh empat (54) sesi mesyuarat termasuk Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal EIA (EIA Technical Review Committee, EIATRC) dan mesyuarat yang berkaitan input pembangunan, kajian dan teknikal yang dihadiri oleh unit ini. Rajah di bawah menunjukkan sesi mesyuarat EIATRC yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat, JAS Negeri Sabah.




Rajah 8.2 : Sesi mesyuarat EIATRC yang telah diadakan pada 10 Julai 2025

PROGRAM PENGAWASAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH

STESEN PENGAWASAN ALAM SEKITAR




STESEN PENGAWASAN UDARA



Stesen Pengawasan Udara di Sabah meliputi 6 stesen utama iaitu terdapat 5 stesen tetap dan 1 stesen mobile. Stesen-stesen ini beroperasi secara automatik dan berterusan sepanjang hari selama 24 jam tanpa henti. Stesen ini digunakan untuk mendapatkan bacaan Index Pencemaran Udara secara purata setiap masa.



STESEN PENGAWASAN SUNGAI AUTOMATIK



Stesen Pengawasan Air Sungai Automatik di Sabah meliputi 2 stesen utama iaitu satu stesen terdapat di Tamparuli dan satu lagi stesen berada di Penampang. Stesen-stesen ini beroperasi secara automatik dan berterusan sepanjang hari selama 24 jam tanpa henti. Stesen ini digunakan untuk mendapkan bacaan Parameter air sungai untuk digunakan sebagai maklumat pencemaran sungai.



STESEN PENGAWASAN AIR TANAH

KUDAT
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pelancongan

INANAM
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah -Industri

SANDAKAN
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pertanian

PENAMPANG

Sebanyak 14 Stesen Pengawasan Air Tanah yang terdapat di Negeri Sabah. Persampelan Air Tanah akan dibuat 4 kali setahun iaitu sekali dalam masa 3 bulan.

BEAUFORT
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pertanian

TAWAU
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pertanian



IATC PENAMPANG

PENAMPANG 1
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pertanian

PENAMPANG 2
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pertanian

PENAMPANG 3
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pertanian

PENAMPANG 4
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pertanian

PENAMPANG 5
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pertanian

PENAMPANG 6
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pertanian

PENAMPANG 7
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pertanian



PULAU MANUKAN
- Longitude: 116.133761
- Latitude: 5.904930
- Guna Tanah - Pelancongan

Unit pengawasan telah berjaya menjalankan sebanyak 54 kali persampelan bagi tujuan status Kualiti Air Tanah bagi tahun 2025. Walaubagimanapun persampelan untuk Kualiti Air Tanah di Stesen Air Tanah Tawau terpaksa dihentikan kerana stesen tersebut ditutup bagi memberikan laluan kepada pembinaan kuari dan empangan.

LAPORAN PENYENGGARAAN AIR TANAH



Pembersihan kawasan dan pemotongan rumput 13 Stesen Air Tanah di JAS Sabah dijalankan 4 kali setahun.

1. Stesen Air Tanah IATC Penampang 1
2. Stesen Air Tanah IATC Penampang 2
3. Stesen Air Tanah IATC Penampang 3
4. Stesen Air Tanah IATC Penampang 4
5. Stesen Air Tanah IATC Penampang 5 dan Laluan
6. Stesen Air Tanah IATC Penampang 6
7. Stesen Air Tanah IATC Penampang 7
8. Stesen Air Tanah Inanam
9. Stesen Air Tanah Beaufort dan Laluan
10. Stesen Air Tanah Kudat
11. Stesen Air Tanah Pulau Manukan
12. Stesen Air Tanah Sandakan 1
13. Stesen Air Tanah Sandakan 2
14. Stesen Ait Tanah Tawau (Tutup)



Walaubagaimanapun, pembersihan kawasan stesen bagi suku tahunan ketiga dan keempat untuk Stesen Kualiti Air Tanah Tawau telah ditamatkan kerana stesen tersebut telah ditutup bagi pembinaan kuari dan empangan

PENGAWASAN BERSAMA PELAJAR PRAKTIKAL

PENGAWASAN KUALITI AIR MARIN

Memberi ruang kepada pelajar *intern* yang sedang menjalani latihan praktikal di Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah



Pelajar *intern* sedang mengambil sampel dengan menggunakan Van Dorn Water Sampler



PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

Pelajar *intern* sedang menjalankan pengambilan air sampel di telaga air tanah Pulau Manukan



INDEKS

Kata Kunci	Halaman
Aduan	23–25, 28–31, 37
Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974)	10, 12, 14, 30, 33, 37, 42, 45, 58, 61–62
Alam Sekitar	01–02, 10–19, 23–31, 33–45, 47–59, 61–78
Audit Alam Sekeliling	59
Bahagian Operasi	10–45
Bahagian Pembangunan	47–78
Buangan Terjadual	11–21, 23–25, 30–31, 44–45, 55, 61–65
CEPA	27–28
Check Dam	27–28
Diesel	33–40, 44
Efluen	12, 15, 17–18, 62–65
EIA (Penilaian Impak Alam Sekeliling)	25, 58–59, 62, 64, 66–68, 72
eADUAN	30
e-KAS	15
e-Kehakiman Sabah Sarawak (EKSS)	42
e-waste	14, 20–21, 51, 55
EMP (Environmental Management Plan)	68
Fleet Operator	39, 41
Gantung Lesen	14, 45
Hari Alam Sekitar	51, 55
Hari Bumi	49
Hari Ozon	53
Hotspot / Titik Panas	23–26
Input Pembangunan	66–72
Indeks Pencemaran Udara	73
JAS Sabah	02, 05–07, 11, 14, 19, 23, 27–29, 32, 45, 48–49, 53, 57, 68, 77, 81–82
Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS)	28, 72
Jerebu	23
Kebenaran Bertulis (KB)	60–64
Kenderaan Bermotor	33–41
Kenderaan Diesel	33–40
Kenderaan Petrol	33, 35, 41
Kilang Kelapa Sawit (KKS)	11, 14, 17, 45, 61
Kilang Getah Mentah Asli (KGAM)	11, 18
Kompaun	10, 14, 42, 44–45, 59
Kualiti Air Tanah	75–77
Kumbahan	12–15, 58, 62–64
Laporan EIA	58–59, 66–68, 72
Laporan Pengawasan Alam Sekitar (EMR)	59
Lesen	10–11, 14–15, 17–21, 40–41, 45, 55, 61
Menara Tinjau	27
Motorsikal	33, 35, 41
Notifikasi	64–69
Notis Arahan	10, 14, 37, 45, 58–59
NOAA 20	23
Ops Catat / Kamera Video	36–37
Operasi Gerak	35
Operasi Khas	10, 14–15
Ozon	53, 57
Papan Tanda	27
Pemberitahuan Bertulis (PB)	61–65
Pembangunan	01, 47–50, 58, 66–72
Pembakaran Terbuka	23–31, 51
Pencemaran	01–02, 10–19, 29–31, 33, 35, 39, 41, 44–45, 58–59, 62–63, 68–69, 73–74
Pencemaran Udara	12–15, 30–31, 33, 39, 62–64, 73
Pelesenan	10–11, 14–15, 17–21, 40–41, 45, 55, 61
Pematuhan	11–16, 19, 55, 62–69
Premis	10–15, 17–18, 21–25, 39, 45, 58, 61–64
Premis Yang Ditetapkan (PYDT)	11, 14, 17, 19–21, 45, 51, 61
Program Kesedaran	02, 23, 27–28, 33–35, 41, 48–55, 57, 59
Program Hari Bumi	49
Program Hari Alam Sekitar Sedunia	51
Program Hari Ozon	53
Program Hari Alam Sekitar Negara	55
Program Pengawasan Alam Sekitar	59, 73–78
Piezometer	27
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	69–70
Pengangkutan Buangan Terjadual	19–21
Pengawasan Alam Sekitar	59, 73–78
Penguatkuasaan	10, 12–15, 19, 23, 30, 33–35, 39–41, 57–59
Penguatkuasaan EIA	57–59, 62–63
Penguatkuasaan Kenderaan	33–41
Pengurusan Pencemaran	29–31
Persampelan Air Tanah	75–77
Plogging	49
Refrigerant	39, 41
Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI)	51, 55
Seksyen 31	14, 45
Seksyen 33A	59
Seksyen 37	14, 45
Seksyen 44	42
Seksyen 45	42, 44
Seksyen 48A	37
SPLR (Sistem Pengolahan Larut Resapan)	61–63
SPK (Sistem Pengolahan Kumbahan)	61–63
SPEP (Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian)	61–65
SKPU (Sistem Kawalan Pencemaran Udara)	62–64
Stesen Pengawasan Udara	73
Stesen Pengawasan Sungai Automatik	74
Stesen Pengawasan Air Tanah	75–77
Sungai	74
Tanah	30–31, 58, 61–62, 68–69, 75–77
Tanah Gambut	23, 27
Telaga Tiub	27–28
Titik Panas	23–26
Tumpahan Minyak	23, 28, 30–31
Tumpahan Minyak Marin	28
Udara	12–15, 30–31, 33, 39, 62–64, 73



www.doe.gov.my